

APA ITU PENYAKIT GUSI?

Gusi terdiri daripada tisu lembut. Ia mengelilingi bahagian bawah gigi anda (dipanggil **akar gigi**). Menjaga gusi anda adalah sama penting seperti menjaga gigi anda.

Penyakit gusi ialah jangkitan pada gusi. Ia disebabkan oleh **plak**, suatu lapisan melekit yang terkumpul pada gigi dan gusi. Plak menghasilkan asid dan toksin yang boleh menyebabkan gusi merah, bengkak, atau berdarah.

Lama-kelamaan, penyakit gusi boleh menyebabkan gusi terpisah daripada gigi. Ini boleh membentuk **lekuk** di antara gigi dan gusi. Kuman boleh terperangkap dalam lekuk ini, lalu menyebabkan **tulang** di sekitar gigi itu menjadi lemah.


Penyakit gusi amat biasa. Ramai orang mempunyai sejenis penyakit gusi peringkat awal, yang boleh dirawat dengan penjagaan mulut yang baik. Tetapi jika anda tidak mepedulikan penyakit gusi, ia boleh melemahkan tulang di sekitar gigi, lalu menyebabkan gigi menjadi longgar dan akhirnya gugur.

Lekuk

Boleh terbentuk di antara gigi dan gusi mengikut peredaran masa akibat penyakit gusi

Penyakit gusi

Jangkitan gusi yang disebabkan oleh plak. Gusi boleh menjadi merah dan bengkak



Akar gigi

Bahagian gigi yang berada di bawah aras gusi

Plak

Suatu lapisan melekit yang boleh menyebabkan penyakit gusi

Tulang

Khususnya, tulang di bawah gigi dan gusi anda

Ramai orang yang tidak tahu bahawa mereka menghidap penyakit gusi. Inilah sebabnya berjumpa dengan pakar pergigian anda secara berkala untuk pembersihan dan pemeriksaan adalah penting.

Berikut adalah antara tanda-tanda penyakit gusi:

- **Gusi yang merah atau bengkak atau berdarah apabila anda memberus atau memflos**

Ini adalah sejenis penyakit gusi peringkat awal, yang dipanggil **gingivitis**. Ia biasanya boleh dirawat dengan penjagaan mulut yang baik.

- **Sakit gigi atau gigi sensitif**

Gusi yang terpisah daripada gigi boleh menjadikan gigi sensitif terhadap makanan atau minuman yang panas atau sejuk.

- **Nafas berbau yang berlanjutan**

- **Gigi dewasa yang longgar atau mempunyai lekuk; perubahan dalam cara gigi anda tidak serasi apabila anda menggigit**

Ini merupakan jenis penyakit gusi yang paling serius, dikenali sebagai **periodontitis**.

Fakta ringkas mengenai penyakit gusi


- Penyakit gusi ialah suatu jangkitan yang boleh mempengaruhi gusi dan tulang di sekelilingnya.
- Penyakit gusi bermula apabila kuman dalam plak menyebabkan gusi menjadi merah dan bengkak, dan kadangkala berdarah.
- Anda boleh membantu mencegah penyakit gusi dengan memberus dan memflos dua kali sehari.
- Ramai orang yang tidak tahu bahawa mereka menghidap penyakit gusi. Inilah sebabnya berjumpa dengan pakar pergigian anda secara berkala adalah penting.

Berikut adalah beberapa petua untuk membantu mencegah penyakit gusi:

- **Berus gigi dan gusi.**

- **Flos di celah gigi.**

Tumpukan perhatian yang lebih kepada gigi belakang anda. Ia berkemungkinan mempunyai lebih banyak plak kerana ianya sukar dijangkau.



- **Tukar berus gigi anda setiap 3 bulan.**

Bulu berus yang haus membuang kurang banyak plak.

- **Jika gusi anda berdarah, jangan berhenti memberus dan memflos.**

Guna berus gigi yang berbulu lembut supaya anda tidak mencederakan gusi anda. Jumpa pakar pergigian anda jika pendarahan berlarutan.

- **Jumpa pakar pergigian anda secara berkala untuk pembersihan dan pemeriksaan gigi.**

Maklumkan kepada pakar pergigian anda jika anda mengandungi atau menghidap diabetes. Penyakit-penyakit tersebut menyukarkan tubuh badan melawan penyakit gusi.

- **Sentiasa periksa gusi anda di dalam cermin.**

Cari perubahan warna atau tekstur. Jika anda rasa anda menghidap penyakit gusi, jumpa pakar pergigian anda.

Untuk mendapat lebih banyak petua mengenai cara mencegah penyakit gusi, bincanglah dengan pakar pergigian anda atau kunjungi oralb.com.